

# Ekonomi Malaysia Pada Tahun 1996 dan Prospek Bagi Tahun 1997

## Ekonomi Malaysia Pada Tahun 1996

### Tinjauan Keseluruhan

**B**erikutan perkembangan pesat dalam tempoh lapan tahun yang lepas, ekonomi Malaysia dijangka berkembang dengan lebih mampan pada tahun 1996. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar diramalkan mencatat pertumbuhan lebih perlahan pada kadar 8.2% dalam tahun 1996 (1995: 9.5%) dengan kadar pertumbuhan dalam semua sektor dijangka lebih sederhana daripada paras tinggi yang dicapai pada tahun 1995. Pendorong utama kepada pertumbuhan ini berpunca daripada sektor perkilangan yang dijangka mencatat kadar pertumbuhan dua-angka, sementara sektor perkhidmatan dan pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi daripada kadar purata pertumbuhan negara. Bagaimanapun, pertumbuhan pengeluaran sektor-sektor utama dijangka lembab, dengan sektor perlombongan dijangka berkembang lebih perlahan. Selaras dengan pertumbuhan KDNK, Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal akan terus meningkat sebanyak 13.1% kepada RM235.3 bilion. Berikutan dengan kenaikan KNK, pendapatan per kapita penduduk diramalkan meningkat sebanyak 10.5% untuk mencapai RM11,118. Dari segi pariti kuasa beli, pendapatan per kapita adalah bersamaan dengan AS\$12,508, iaitu peningkatan sebanyak 10.4% daripada paras tahun 1995.

Kedudukan imbalan pembayaran negara juga dijangka bertambah baik dalam tahun 1996. Walaupun eksport barangan telah terjejas oleh eksport komoditi utama yang lebih rendah dan pertumbuhan yang lebih perlahan bagi eksport barangan elektronik, pertumbuhannya melebihi pertumbuhan import, iaitu kali pertama sejak tahun 1993. Pertumbuhan import barangan telah menurun dengan ketara, kesan daripada permintaan dalam negeri dan luar negeri yang berkembang lebih

perlahan. Oleh itu, akaun dagangan diramalkan akan mencatat lebihan yang lebih besar. Peningkatan lebihan akaun dagangan dijangka melebihi pertambahan defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran, membolehkan akaun semasa mencatat defisit lebih kecil. Dalam akaun modal, aliran masuk kasar pelaburan asing langsung dijangka mencukupi untuk menampung defisit akaun semasa. Bagaimanapun, disebabkan pertambahan pembayaran bersih Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman luarnya, di samping jumlah pinjaman yang lebih rendah oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan meningkatnya pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia, akaun asas imbalan pembayaran dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM2.4 bilion, iaitu lebih kecil berbanding defisit sebanyak RM2.5 bilion yang telah dicatatkan dalam tahun 1995.

Pertumbuhan ekonomi yang sederhana di samping pertumbuhan penggunaan yang perlahan, meningkatkan peratusan tabungan negara dalam KNK. Memandangkan peratusan pelaburan dalam KNK pula diramalkan tidak banyak berubah, jurang tabungan-pelaburan negara dijangka berkurangan, membolehkan negara mengurangkan pergantungannya kepada sumber asing terutama pinjaman untuk membiayai jurang itu. Kedudukan sumber negara yang bertambah baik disebabkan oleh jurang sumber yang mengecil dalam sektor swasta. Ini adalah disebabkan pertambahan tabungan individu melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), hasil dari pertambahan bilangan pencarum dan peningkatan satu angka peratusan kadar caruman pekerja baru-baru ini, tertubuhnya Amanah Saham Wawasan 2020 dan peningkatan pendapatan sektor korporat. Kerajaan Persekutuan terus memperolehi lebihan operasi yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan pembangunannya dalam tahun 1996. Bagaimanapun, sektor awam dijangka mencatatkan jurang



sumber yang kecil dalam tahun 1996, disebabkan pertumbuhan pesat pelaburan khususnya oleh PABK. Sungguhpun demikian, jurang tabungan-pelaburan negara dijangka berkurangan berikutan dengan pengurangan jurang sumber sektor swasta.

### **Prestasi Mengikut Sektor**

Nilai ditambah dalam **sektor perkilangan** dijangka terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih rendah iaitu 12.8% (1995:14.5%). Pertumbuhan keluaran perkilangan yang sederhana disebabkan terutamanya oleh kemerosotan pertumbuhan industri elektronik kerana terdapat paras inventori yang tinggi dalam pasaran dunia berikutan persaingan sengit dan perkembangan permintaan yang lebih lembab. Prestasi pengeluaran industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri, bagaimanapun, dijangka kekal kukuh dengan industri barangan kimia, galian bukan logam dan barangan kaca serta kelengkapan pengangkutan dijangka mencatat pertumbuhan pengeluaran yang mantap. Dengan jangkaan bahawa sektor perkilangan akan terus berkembang pada kadar yang lebih tinggi berbanding sektor-sektor ekonomi yang lain, sumbangannya kepada KDNK sebenar akan meningkat daripada 33.1% dalam tahun 1995 kepada 34.5% dalam tahun 1996, sementara sumbangannya kepada keseluruhan pertumbuhan sebenar dalam tahun 1996 dijangka pada kadar 51.6% (1995: 48.5%).

**Sektor pembinaan** dijangka mencapai pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 9% dalam tahun 1996 selepas mencatatkan pertumbuhan yang tinggi iaitu 17.3% pada tahun 1995. Dengan pertumbuhan ini, sumbangannya terhadap KDNK sebenar diramalkan stabil pada 4.5%. Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan sebahagiannya oleh tambahan pembinaan projek-projek baru sektor awam yang lebih rendah memandangkan projek-projek yang baru diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pada umumnya hanya akan dimulakan selepas tahun pertama tempoh Rancangan tersebut. Pembinaan bangunan-bangunan kediaman dan komersial berharga tinggi dijangka akan terjejas oleh langkah-langkah kewangan dan fiskal yang diperkenalkan pada bulan Oktober 1995 untuk membendung inflasi aset, spekulasi berlebihan dalam sektor hartanah dan prospek penawaran berlebihan. Walau bagaimanapun, pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana terus mantap.

Hasil keluaran **sektor pertanian** dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi sedikit iaitu 1.6% (1995: 1.1%). Keluaran minyak kelapa sawit dijangka meningkat pada kadar sederhana iaitu 2.9% sementara keluaran getah dijangka terus menurun sebanyak 1.7%. Hasil keluaran komoditi utama yang lain seperti kayu balak dan koko dijangka berkurangan pada kadar yang lebih perlahan. Secara keseluruhannya, pertumbuhan sektor pertanian terus lembab dan sumbangannya kepada KDNK dianggarkan berkurangan kepada 12.7% dalam tahun 1996 (1995:13.5%).

Pertumbuhan **sektor perlombongan** dijangka berkurangan kepada 3.1% dalam tahun 1996 (1995:9%), dengan pengeluaran minyak mentah kekal pada paras yang hampir sama dengan tahun 1995, dan pengeluaran bijih timah turut merosot. Keluaran gas, bagaimanapun, diramalkan meningkat sebanyak 22.4%. Dengan kadar pertumbuhan yang lebih rendah, sumbangan sektor perlombongan kepada KDNK diramalkan menurun kepada 7.1% dalam tahun 1996 (1995: 7.5%).

Nilai ditambah yang dijanakan oleh **sektor perkhidmatan** diramalkan berkembang pada kadar yang lebih rendah sedikit iaitu sebanyak 8.9% dalam tahun 1996 (1995:9.4%). Oleh itu, sumbangannya kepada KDNK meningkat kepada 44.6% (1995:44.3%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pelaburan untuk memoden dan meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, terutamanya dalam sektor-kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan serta sektor-kecil elektrik, gas dan air yang dijangka mencatat pertumbuhan dua angka, dan permintaan yang kuat terhadap perkhidmatan, yang didorong oleh kenaikan pendapatan bolehguna. Pertumbuhan menggalakkan juga dijangka dialami oleh sektor-kecil kewangan, insurans, hartanah (termasuk pemilikan kediaman) dan perkhidmatan perniagaan dalam tahun 1996. Ini terutamanya berpunca dari pengembangan kredit yang pesat dan perluasan aktiviti-aktiviti sistem perbankan serta premium yang lebih tinggi dikutip dari insurans nyawa dan am. Nilai ditambah sektor-kecil perniagaan borong dan runcit, perhotelan dan restoren dijangka terus kukuh memandangkan peningkatan pendapatan dan perusahaan pelancungan yang terus cergas.



## Permintaan Dalam Negeri

Permintaan agregat dalam negeri (termasuk perubahan dalam stok) dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 10.2% dalam harga semasa kepada RM250.1 bilion dalam tahun 1996, selepas peningkatan sebanyak 17.4% dalam tahun 1995, disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan kedua-dua sektor awam dan swasta yang lebih sederhana. Pertumbuhan **jumlah perbelanjaan sektor swasta** dijangka merosot kepada 10.1% dalam tahun 1996 (1995:18.7%), disebabkan oleh pertumbuhan sederhana kedua-dua perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta. **Perbelanjaan penggunaan sektor swasta** dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu 10.6% kepada RM115.7 bilion dalam tahun 1996, berbanding pertumbuhan 13.1% atau RM104.7 bilion yang dicatat pada tahun 1995. Perbelanjaan penggunaan swasta yang sederhana adalah kesan dari pendapatan yang lebih rendah dari komoditi-komoditi utama, kadar faedah yang lebih teguh yang menggalakkan tabungan, kenaikan sebanyak satu angka peratusan kadar caruman pekerja dalam KWSP, di samping langkah-langkah kewangan dan fiskal yang diperkenalkan pada bulan Oktober 1995 untuk mengurangkan penggunaan dan menggalakkan tabungan. Menggambarkan pengurangan pertumbuhan penggunaan swasta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 ialah kejatuhan sebanyak 15.0% jualan peti sejuk isi rumah dan pertambahan yang lebih perlahan sebanyak 1.7% jualan peti televisyen (Januari-Julai 1995: 75.4%). Jualan kereta penumpang juga bertambah dengan lebih perlahan, iaitu pada kadar 12.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 59.2%).

**Pelaburan swasta**, yang meningkat sebanyak 28.9% pada tahun 1995, dijangka berkembang lebih perlahan iaitu 9.9% kepada RM73.2 bilion dalam harga semasa dalam tahun 1996. Pertumbuhan pelaburan swasta yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh pelaburan yang berkurangan dalam sektor minyak dan gas serta perkembangan pelaburan yang lebih perlahan dalam projek-projek penswastaan yang besar. Pelaburan dalam sektor perkilangan dijangka terus menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan pelaburan pada keseluruhannya. Keyakinan peniagaan dalam sektor perkilangan terus kukuh. Contohnya, nilai pelaburan modal projek yang dicadangkan oleh para pelabur untuk kelulusan pihak Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

(MIDA) telah meningkat sebanyak 115.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Jumlah modal pelaburan yang diluluskan oleh MIDA juga telah meningkat dengan ketara sebanyak 37.3% kepada RM17.9 bilion dalam tempoh tersebut.






Pertumbuhan **perbelanjaan sektor awam** dijangka berkurangan dengan sederhana kepada 10.6% dalam tahun 1996 kepada RM61.1 bilion (1995: 13.3%). Ini berpunca terutamanya dari pengurangan ketara pertumbuhan **perbelanjaan penggunaan** sektor awam kepada 2.1% dalam tahun 1996, selepas mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 15.5% pada tahun 1995 disebabkan penyelarasan gaji kakitangan awam. Ini dicerminkan oleh kejatuhan 1.4% dalam jumlah emolumen pada tahun 1996 berbanding dengan pertumbuhan 11.1% yang dicatatkan pada tahun 1995. Begitu juga, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar perlahan iaitu 5.3% dalam tahun 1996 berbanding peningkatan ketara sebanyak 14.9% pada tahun 1995, mencerminkan kawalan belanjawan yang berterusan oleh Kerajaan Persekutuan. **Pelaburan awam** dijangka meningkat sebanyak 19.6% dalam tahun 1996, selepas meningkat 11.4% pada tahun 1995. Ini disebabkan oleh peningkatan ketara perbelanjaan modal oleh PABK terutamanya PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad.

## Permintaan Luar Negeri

Pertumbuhan **eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka berkurangan kepada 5.0% dengan nilai RM219.2 bilion dalam tahun 1996 (1995:20.1%). Ini disebabkan terutamanya oleh eksport dagangan yang berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 4.2% (1995:20.9%) kepada RM187.0 bilion, akibat dari kejatuhan 15.3% eksport barangan pertanian (1995: 11.4%) dan kenaikan lebih perlahan sebanyak 5.8% dalam eksport barangan perkilangan (1995:22.9%). Kejatuhan eksport hasil pertanian disebabkan oleh kelembapan harga komoditi-komoditi utama seperti minyak kelapa sawit dan getah di samping jumlah eksport getah, kayu gergaji dan kayu balak yang berkurangan. Bagi eksport barangan perkilangan, pertumbuhan yang lebih rendah adalah kesan dari pertumbuhan sederhana eksport barangan elektronik yang disebabkan oleh jumlah stok yang besar dalam pasaran dunia berpunca dari peningkatan keupayaan pengeluaran di seluruh dunia dan permintaan yang lemah.



# Carta 1.1 Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Pada akhir Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos).  
(kecuali bagi tahun 1996, iaitu pada akhir bulan Mac, Jun dan Ogos)

2/ Malaysia (1994 - tahun asas)



Eksport perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat sebanyak 10.2% kepada RM32.2 bilion dalam tahun 1996 (1995: 15.5%), dengan paras pendapatan eksport yang lebih tinggi diperolehi daripada perkhidmatan yang berkaitan dengan tambang dan insurans, pengangkutan lain dan perjalanan. Pertumbuhan dua angka eksport perkhidmatan ini menunjukkan kesan dari peningkatan keupayaan oleh syarikat penerbangan dan industri perkapalan Malaysia di samping usaha berterusan menggalakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Pertumbuhan **import barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka berkurangan dengan ketara kepada 2.6% dalam tahun 1996 dengan nilai RM222.5 bilion berbanding pertumbuhan 22.7% pada tahun 1995. Pertumbuhan import yang perlahan ini disebabkan sebahagiannya oleh nilai ringgit yang lebih kukuh, terutamanya berbanding dengan yen serta perkembangan perbelanjaan pelaburan dan keluaran perkilangan yang lebih perlahan yang memperlakan import barangan modal dan perantaraan. Import barangan modal diramalkan menurun sebanyak 6.9% kepada RM36.4 bilion dalam tahun 1996 (1995: 29.6%), disebabkan sebahagiannya oleh jumlah import barangan besar seperti kapal terbang dan kapal yang rendah. Ini dijangkakan kerana Penerbangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telahpun mengembangkan keupayaan mereka pada tahun 1995. Import barangan perantaraan, yang merupakan 66.3% daripada jumlah import dagangan, dijangka mengalami pertambahan yang lebih perlahan pada kadar 3.8% kepada RM131.1 bilion dalam tahun 1996 (1995: 27.7%) disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran sektor perkilangan yang lebih rendah. Pertumbuhan import barangan penggunaan juga dijangka lebih perlahan pada kadar 2.4% berjumlah RM12.3 bilion dalam tahun 1996 (1995: 14.1%). Pada keseluruhannya, import dagangan dijangka berkembang perlahan pada kadar 1.7% kepada RM182.4 bilion (1995:24.5%). Import perkhidmatan bukan faktor pula dijangka meningkat pada kadar lebih perlahan iaitu 6.6% kepada RM40.1 bilion dalam tahun 1996 (1995:14.5%), kesan daripada pertumbuhan sederhana import perkhidmatan yang berkaitan dengan tambang dan insurans, perjalanan serta perkhidmatan perundingan dan professional.

## Imbangan Pembayaran

Dengan eksport dagangan meningkat pada kadar yang lebih tinggi daripada import, **akaun dagangan** imbangan pembayaran dianggarkan mencatat lebihan yang lebih besar iaitu sebanyak RM4.6 bilion dalam tahun 1996, berbanding lebihan sebanyak RM233 juta pada tahun 1995. Defisit akaun perkhidmatan, bagaimanapun, dijangka bertambah besar iaitu kepada RM19.4 bilion (1995: RM19.0 bilion) disebabkan terutamanya oleh pembayaran bersih yang tinggi ke atas pendapatan pelaburan, tambang dan insurans. Namun begitu, hasil daripada lebihan akaun dagangan yang besar, **akaun semasa** imbangan pembayaran dijangka mencatatkan defisit lebih rendah sebanyak RM14.8 bilion atau 6.3% daripada KNK dalam tahun 1996, berbanding defisit sebanyak RM18.7 bilion atau 9.0 % daripada KNK dalam tahun 1995.

Defisit akaun semasa imbangan pembayaran dibiayai sebahagian besarnya oleh aliran masuk kasar pelaburan asing langsung yang dianggarkan berjumlah RM18.1 bilion dalam tahun 1996 (1995: RM16.8 bilion). Bagaimanapun, aliran masuk pelaburan asing langsung bersih lebih rendah iaitu RM10.8 bilion dalam tahun 1996 (1995:RM10.3 bilion) disebabkan oleh kenaikan ketara pelaburan luar negeri yang dibuat oleh rakyat Malaysia iaitu 14.1% dari RM6.4 bilion pada tahun 1995 kepada RM7.3 bilion dalam tahun 1996. Pada masa yang sama, aliran masuk bersih modal rasmi jangka panjang dijangka lebih rendah iaitu RM1.6 bilion berbanding RM5.8 bilion pada tahun 1995. Ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran bersih yang lebih besar yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan hutang luar negeri di samping pengurangan pinjaman luar yang dibuat oleh PABK. Dengan aliran masuk bersih modal rasmi jangka panjang menurun dengan jumlah yang besar daripada peningkatan aliran masuk bersih modal jangka panjang sektor swasta, akaun modal dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil iaitu sebanyak RM12.4 bilion dalam tahun 1996 (1995: RM16.2 bilion). Selepas mengambilkira defisit akaun semasa yang kecil dan lebihan akaun modal yang juga lebih kecil, akaun asas imbangan pembayaran dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM2.4 bilion dalam tahun 1996, iaitu defisit untuk tiga tahun berturut-turut sejak tahun 1994. Walau bagaimanapun, **kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran** dijangka mencatatkan lebihan berjumlah RM1.2



bilion, iaitu selepas mengambilkira pergerakan modal jangka pendek, ralat dan ketinggalan. Paras rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia pada akhir tahun 1996 dijangka meningkat sebanyak RM1.2 bilion dari RM63.8 bilion pada akhir tahun 1995 kepada RM65.0 bilion pada akhir tahun 1996, iaitu mampu membiayai 4.1 bulan import tertangguh.

### **Kedudukan Kewangan Sektor Awam**

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan kekal kukuh dalam tahun 1996, berikutan kawalan belanjawan dan dasar fiskal berhemat yang telah memperkukuhkan kedudukan keseluruhan kewangan dan menghasilkan lebihan untuk tahun keempat berturut-turut. Dari segi hasil, sungguhpun beberapa peraturan cukai telah diperkenalkan pada tahun 1995 dan 1996 yang boleh mengakibatkan pengurangan potensi hasil, **hasil Kerajaan Persekutuan** dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu 10.9% kepada RM56.5 bilion dalam tahun 1996 berbanding kenaikan 3% pada tahun 1995. Pertumbuhan yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pungutan cukai langsung terutama daripada cukai pendapatan korporat. **Perbelanjaan mengurus** diramalkan bertambah pada kadar lebih tinggi iaitu 14.2% kepada RM42 bilion dalam tahun 1996 (1995:4.3%) disebabkan oleh penyesuaian gaji kakitangan awam. Kecuali peningkatan pembayaran emolument, pencen dan gratuiti akibat daripada penyesuaian gaji, kenaikan lain-lain kategori perbelanjaan mengurus dijangka kekal rendah. Pertumbuhan hasil yang kukuh akan menyebabkan lebihan akaun semasa meningkat sedikit dari RM14.4 bilion pada 1995 kepada RM14.7 bilion dalam tahun 1996. Bagi **perbelanjaan pembangunan**, ia meningkat rendah, iaitu 6.4% daripada paras perbelanjaan pada tahun 1995 kepada RM14.9 bilion dalam tahun 1996. Oleh itu, kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan diramalkan mencatat lebihan yang lebih kecil sedikit iaitu sebanyak RM1.4 bilion berbanding RM1.9 bilion pada tahun 1995.

**Kedudukan Keseluruhan Kewangan Sektor Awam Disatukan** pada tahun 1996 dijangka mencatatkan defisit, berpunca dari kenaikan perbelanjaan mengurus PABK dan Kerajaan

Persekutuan. Jumlah keseluruhan hasil Kerajaan disatukan dijangka meningkat sebanyak 10.4% kepada RM69.9 bilion sementara jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus disatukan dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi pada kadar 14.6%, meningkat dari RM42.3 bilion pada tahun 1995 kepada RM48.4 bilion dalam tahun 1996. Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, lebihan semasa sektor kerajaan dianggarkan meningkat sebanyak 2.0% dalam tahun 1996 kepada RM21.5 bilion. Keseluruhan PABK juga dijangka mencatatkan lebihan operasi lebih rendah dalam tahun 1996 disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih besar. Dengan itu, lebihan semasa sektor awam dijangka berjumlah RM35 bilion dalam tahun 1996 berbanding dengan RM35.2 bilion pada tahun 1995.

Perbelanjaan pembangunan PABK dianggarkan terus meningkat dalam tahun 1996 sebanyak 30.3% kepada RM19.3 bilion disebabkan oleh rancangan-rancangan pengembangan dan modenisasi oleh beberapa PABK terutamanya projek-projek telekomunikasi, tenaga serta minyak dan gas. Dengan perbelanjaan pembangunan bersih sektor awam dianggarkan meningkat sebanyak 12.6%, baki keseluruhan dijangka mencatatkan defisit RM1.7 bilion atau 0.7% daripada KNK dalam tahun 1996 berbanding lebihan RM2.6 bilion atau 1.2% daripada KNK pada tahun 1995.

### **Kedudukan Sumber Negara**

Dengan jumlah perbelanjaan penggunaan dianggarkan meningkat pada kadar lebih perlahan iaitu 8.8% dalam harga semasa dibandingkan dengan pertumbuhan KNK pada 13.1%, pertumbuhan tabungan negara kasar dijangka meningkat sebanyak 20.5% kepada RM91.4 bilion dalam tahun 1996 (1995: 17.2%). Dengan itu, tabungan negara kasar dijangka meningkat kepada 38.8% daripada KNK dalam tahun 1996, daripada 36.5% pada tahun 1995. Daripada jumlah keseluruhan tabungan kasar negara, 35.5% dijangka disumbangkan oleh sektor awam dan selebihnya 64.5% oleh sektor swasta. Dalam pada itu, pertumbuhan pelaburan dijangka menurun kepada 12.3% atau RM106.2 bilion dalam tahun 1996 (1995: 23.1%). Sebagai peratusan daripada




KNK, pelaburan dijangka berkurangan sedikit daripada 45.5% daripada KNK pada tahun 1995 kepada 45.1% dalam tahun 1996. Dengan kadar pertumbuhan tabungan yang dijangka lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan pelaburan, kedudukan sumber negara dijangka lebih baik iaitu daripada defisit sebanyak RM18.7 bilion atau 9.0% daripada KNK dalam tahun 1995, kepada defisit sebanyak RM14.8 bilion atau 6.3% daripada KNK dalam tahun 1996. Jurang sumber ini disebabkan terutamanya oleh sektor swasta yang dijangka mencatatkan defisit sumber bersamaan 6.1% daripada KNK, sementara sektor awam dijangka mencatatkan jurang sumber yang lebih kecil sebanyak 0.2% daripada KNK pada tahun 1996. Jurang sumber negara ini dibiayai sebahagian besarnya oleh kemasukan modal asing langsung terutama dalam sektor perkilangan.

## Mudahtunai, Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Asing

Mudahtunai dalam sistem perbankan masih berlebihan dalam tahun 1996 disebabkan oleh pendapatan bolehguna yang meningkat dan aliran masuk modal asing jangka pendek yang mengambil manfaat dari perbezaan kadar faedah. Lebihan mudahtunai sistem perbankan berjumlah RM2.4 bilion pada akhir bulan Ogos 1996 berbanding RM1.5 bilion pada akhir tahun 1995. Keadaan ini disebabkan oleh pengembangan kredit yang kukuh oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Oleh itu, pertumbuhan bekalan wang mengatasi pertumbuhan keluaran negara dengan ketara.

Lebihan mudahtunai dalam ekonomi diuruskan secara aktif oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dalam usaha memastikan kestabilan harga dan keteguhan pertumbuhan ekonomi. Ini dilakukan terutama melalui kombinasi instrumen-instrumen secara langsung dan tidak langsung, termasuklah penerimaan deposit dalam pasaran antara bank, pemusatan dana berlebihan Kerajaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan BNM dan keperluan rizab berkanun (statutory reserve requirement (SRR)). SRR bagi institusi-institusi perbankan telah dinaikkan dua kali dengan kenaikan satu angka peratusan pada 1 Februari 1996 dari 11.5% kepada 12.5% dan pada 1 Jun 1996 daripada 12.5% kepada 13.5%, mencerminkan komitmen yang berterusan oleh BNM dalam mengawal perkembangan kewangan dan kredit, dan seterusnya tekanan inflasi. Pertambahan SRR telah menyerap sebanyak RM5.4 bilion. Kesannya, agregat pertumbuhan kewangan M1, M2 dan M3 berkurangan masing-masing dari 17.0%, 27.9% dan 27.0% pada akhir April kepada 12.7%, 19.9% dan 21.8% pada akhir bulan Ogos. Langkah untuk menyerap mudahtunai telah meneguhkan kadar faedah tempatan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996. Kadar faedah antara bank bagi tempoh matang tiga bulan telah meningkat daripada 6.76% pada akhir bulan Disember 1995 kepada 7.28% pada akhir bulan Ogos 1996 dan begitu juga kadar faedah simpanan tetap dan kadar pinjaman asas (BLR) yang ditawarkan oleh institusi-institusi perbankan juga turut meningkat dalam tempoh yang sama.

Dalam pasaran pertukaran asing, ringgit Malaysia adalah kukuh berbanding semua





matawang negara rakan niaga Malaysia yang utama. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, nilai ringgit mengukuh 7.3% berbanding yen Jepun, 1.8% berbanding dolar Amerika dan 1.3% berbanding dolar Singapura, kesan daripada keyakinan terhadap matawang tempatan yang tinggi di samping kekukuhan asas ekonomi.

## **Inflasi**

Keutamaan terus diberikan bagi membendung tekanan harga, terutama dalam keadaan ekonomi mengalami perkembangan pesat berikutan kenaikan permintaan dalam negeri dan kekangan bekalan terutamanya tenaga kerja dan makanan. Inflasi, yang diukur berdasarkan kadar perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal pada paras yang rendah, iaitu pada kadar purata 3.6% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1996 (Januari-September 1995: 3.4%). Peningkatan kecil ini adalah berpunca daripada meningkatnya tekanan dalam harga makanan yang mencatatkan kadar kenaikan tertinggi iaitu 5.7% dan menyumbangkan 57.1% daripada keseluruhan kenaikan IHP dalam tempoh tersebut. Kenaikan harga makanan adalah kesan daripada peningkatan yang kukuh IHP untuk ikan yang meningkat sebanyak 12.5% dan IHP bagi beras, roti dan bijirin yang meningkat sebanyak 6.9%. Sebaliknya, kenaikan harga kategori barangan pengguna lain, samada barang tahan lama atau tidak tahan lama, serta perkhidmatan tidak melebihi peningkatan IHP keseluruhan. Malahan, IHP untuk pakaian dan kasut merosot sebanyak 0.7% dalam tempoh tersebut. Berasaskan kawasan, IHP bagi Semenanjung Malaysia telah meningkat sebanyak 3.9%, bagi Sabah sebanyak 2.8% dan Sarawak sebanyak 2.2%.

Kadar inflasi yang rendah ini dapat dicapai terutamanya disebabkan oleh usaha yang dilaksanakan bagi membendung tekanan harga, terutamanya dalam mengurus tekanan permintaan, menambah bekalan, di samping meningkatkan kecekapan sistem pengagihan. Ini termasuk mengekalkan dasar fiskal berhemat, dasar kewangan yang ketat dan pengenalan langkah-langkah khusus pada bulan Oktober 1995 untuk meningkatkan tabungan, mengurangkan penggunaan dan meningkatkan bekalan barang makanan serta mengurangkan kos perniagaan termasuk mengurangkan dan menghapuskan cukai import ke atas pelbagai jenis barangan. Keteguhan

nilai ringgit dan penghapusan cukai ke atas barang-barang asas yang diimport juga membantu merendahkan harga import. Di samping itu, memandangkan Malaysia mengamalkan dasar ekonomi terbuka di mana barangan import merupakan 90% daripada KNK, harga import yang rendah telah meninggalkan kesan yang ketara terhadap pengurangan tekanan harga dalam negeri. Index Harga Pengeluar bagi barangan import telah merosot sebanyak 0.5% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996.

## **Pasaran Buruh**

Pasaran buruh terus ketat, apabila pertambahan peluang pekerjaan melebihi kadar pertambahan tenaga buruh. Permintaan terhadap buruh dijangka meningkat sebanyak 3.4% dalam tahun 1996 sementara pertumbuhan tenaga kerja diramalkan sebanyak 3.2%. Dengan kadar pengangguran 2.6%, negara pada hakikatnya terus mencapai tahap guna tenaga penuh. Walaupun ada kes-kes berasingan tentang pemberhentian kerja disebabkan oleh penyusunan semula industri, terutama dalam sektor elektronik, pekerja-pekerja terbabit dapat diserap dengan mudah di mana sahaja. Pasaran buruh yang terus ketat telah menimbulkan tekanan ke atas upah. Dalam sektor perkilangan, upah purata meningkat sebanyak 8.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, sementara kenaikan purata jualan setiap pekerja ialah 5.3%. Kesannya, kos buruh bagi setiap ringgit jualan dalam sektor perkilangan telah meningkat kepada 6.31 sen bagi setiap ringgit jualan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 daripada 6.12 sen bagi setiap ringgit jualan yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Walau bagaimanapun, kenaikan dalam tempoh tersebut bukan semata-mata berpunca daripada upah purata yang tinggi. Pertumbuhan hasil keluaran yang rendah dan kemerosotan harga jualan terutama dalam sektor elektronik yang timbul daripada keadaan pasaran dunia juga menyebabkan kos buruh bagi setiap ringgit jualan meningkat.

## **Prospek bagi tahun 1997**

Perdagangan dunia diramalkan berkembang sebanyak 7.2% dan prestasi ekonomi negara-negara industri dijangka lebih baik. Suasana perdagangan antarabangsa seperti yang diramalkan itu adalah menggalakkan bagi Malaysia



dalam tahun 1997. Walau bagaimanapun, persaingan dalam perdagangan barangan dan perkhidmatan dunia dijangka terus hebat, memandangkan perdagangan antarabangsa yang semakin terbuka di bawah Organisasi Perdagangan Dunia dan Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan (GATS). Sejauh mana Malaysia dapat memperolehi manfaat daripada pertumbuhan perdagangan dunia ini akan bergantung kepada keupayaannya untuk bersaing dalam pasaran dunia. Kajian telah menunjukkan bahawa sektor perkilangan Malaysia, dalam usaha untuk lebih bersaing, telah mengambil langkah strategik dengan beralih kepada penggunaan teknologi pengeluaran berintensif modal sebagai tindakbalas terhadap keadaan pasaran buruh yang ketat, dan juga supaya selaras dengan kemajuan teknologi. Elaun pelaburan semula yang lebih tinggi yang diberikan oleh Kerajaan sejak tahun 1994 telah mempercepatkan proses peralihan ini. Dengan itu, diramalkan bahawa sektor eksport ekonomi terutama sektor perkilangan akan terus mendapat faedah dari pengembangan perdagangan dunia.

Berdasarkan senario luar dan dalam negeri ini, pertumbuhan KDNK sebenar bagi tahun 1997 diramalkan mencapai 8.0%, lebih perlahan sedikit daripada pertumbuhan 8.2% yang dianggarkan untuk tahun 1996. Sektor perkilangan, berikutan peningkatan keupayaan dan usaha-usaha modenisasi, dijangka terus menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi dan eksport. Pertumbuhan eksport, terutamanya eksport barang perkilangan, dijangka melebihi pertumbuhan import yang dijangka pada kadar sederhana, selaras dengan kadar permintaan dalam negeri. Di samping usaha berterusan untuk membangunkan sektor perkhidmatan sebagai industri yang menyumbang kepada pertukaran asing, perkembangan ini dapat menolong memperbaiki kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran. Begitu juga kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka lebih baik, dengan dasar fiskal terus menumpu pada kawalan ketat ke atas perbelanjaan dalam usaha memperolehi lebih belanjawan yang lebih besar. Hasil dari pengurusan permintaan melalui dasar fiskal berhemat dan kewangan yang ketat, di samping usaha menggalakkan tabungan dan mengurangkan penggunaan berlebihan, inflasi dijangka kekal rendah. Membendung inflasi akan menjadi objektif utama negara dalam usaha memastikan bahawa pendapatan yang tinggi yang

diperolehi melalui pertumbuhan ekonomi tidak dijejaskan oleh kenaikan harga pengguna yang tinggi. Dengan KNK nominal dijangka meningkat sebanyak 12.0%, pendapatan per kapita dijangka terus meningkat sebanyak 9.5% kepada RM12,171 pada tahun 1997.

## **Prestasi Mengikut Sektor**

**Sektor perkilangan** dijangka terus menjadi nadi pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1997. Disokong oleh pembesaran kapasiti pengeluaran dan tempahan belian yang menggalakkan, hasil keluaran sektor perkilangan dijangka meningkat sebanyak 12.5%. Industri berorientasikan eksport yang dijangka menyumbang dengan ketara terhadap pengembangan sektor ini ialah industri barangan elektrik dan elektronik serta industri barangan getah. Bagi industri berorientasi pasaran dalam negeri, keluaran galian bukan logam dan keluaran asas logam dijangka menjadi pendorong kepada pertumbuhan hasil keluaran sektor perkilangan. Berdasarkan projek-projek yang telah diluluskan oleh MIDA dalam tahun 1995 dan 1996, pembesaran kapasiti pengeluaran yang ketara dijangka datang daripada industri keluaran elektrik dan elektronik, kimia dan keluaran kimia, keluaran galian bukan logam dan kelengkapan pengangkutan. Dengan sektor pengeluaran terus mengatasi sektor-sektor lain dalam ekonomi dari segi pertumbuhan hasil keluaran, sumbangannya kepada KDNK benar dijangka meningkat daripada 34.5% pada tahun 1996 kepada 36% pada tahun 1997.

Pertumbuhan **sektor pembinaan** dianggarkan sebanyak 8.8% pada tahun 1997 disebabkan oleh kurangnya pembinaan baru bangunan pejabat, disebabkan oleh kebimbangan terhadap lebihan bekalan, dan rumah kediaman berharga tinggi yang telah mengalami pertumbuhan permintaan yang lebih perlahan berikutan peraturan yang diperkenalkan pada tahun 1995 untuk membendung spekulasi berlebihan dan inflasi aset. Pendorong kepada pertumbuhan sektor pembinaan diramalkan sebahagian besarnya datang daripada kepesatan projek perumahan untuk skim rumah kos rendah dan sederhana serta pembinaan kilang-kilang di tapak-tapak industri. Projek pembinaan infrastruktur yang sedang berjalan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Perkampungan Sukan Komanwel juga menolong mengekalkan paras aktiviti dalam sektor pembinaan pada tahun 1997.



Pertumbuhan **hasil keluaran pertanian** dijangka pada kadar 1.4%, lebih rendah sedikit daripada pertumbuhan 1.6% yang dianggarkan untuk tahun 1996. Pengeluaran getah dan kayu balak dijangka terus merosot sementara pertumbuhan pengeluaran minyak kelapa sawit dan koko dijangka meningkat. Kemerosotan pengeluaran getah yang dijangkakan adalah ekoran penurunan berterusan jumlah keluasan tanaman terutama di Semenanjung Malaysia, disebabkan oleh penukaran tanah getah kepada jenis tanaman dan kegunaan lain. Pengeluaran minyak kelapa sawit lebih tinggi disebabkan oleh kematangan tambahan 106,000 hektar pokok kelapa sawit, sementara hasil keluaran koko yang tinggi ialah kesan dari tanaman semula yang mula mengeluarkan hasil. Bagi kayu balak, pengeluaran kekal rendah demi mengikut dasar pemuliharaan hutan.

Pertumbuhan keluaran **sektor perlombongan** dijangka sebanyak 0.9% pada tahun 1997. Walaupun pengeluaran gas dijangka mencatatkan kenaikan sebanyak 15.5%, ini tidak cukup untuk mengimbangi kejatuhan pengeluaran minyak mentah pada kadar 2.1% dan penurunan pengeluaran timah sebanyak 1.6%. Pengeluaran minyak mentah yang rendah disebabkan oleh usaha-usaha untuk mematuhi Dasar Susutan Negara dan harga minyak mentah yang dijangka lembab, memandangkan pengeluaran dunia diramalkan melebihi penggunaan sebanyak 50,000 tong sehari pada tahun 1997 berikutan hasil keluaran yang lebih tinggi oleh negara-negara bukan ahli OPEC.

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** dijangka menurun secara sedikit sebanyak 0.2% kepada 8.7% pada tahun 1997, selari dengan pertumbuhan sederhana sektor-sektor ekonomi utama dan sekunder. Walau bagaimanapun, pertumbuhannya masih lebih tinggi berbanding dengan kadar pengembangan ekonomi keseluruhan. Dalam sektor perkhidmatan, sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan dijangka terus mencatat pertumbuhan pada kadar dua angka sebanyak 13%, kesan dari pengembangan keupayaan ekoran program pengembangan yang dilakukan oleh industri penerbangan dan perkapalan kebangsaan dan syarikat-syarikat telekomunikasi. Begitu juga sektor kecil elektrik, gas dan air dijangka mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.8% disebabkan oleh permintaan yang kukuh daripada pengguna

isirumah, industri dan komersial di samping terdapat lebih keupayaan janakuasa, terutama dari Pengeluar Kuasa Persendirian (PKP). Sebaliknya, pengembangan perkhidmatan kerajaan akan terus dikawal pada paras rendah iaitu 4%, selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menyesuaikan saiz sektor awam. Keseluruhannya, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK dijangka meningkat dari 44.6% pada tahun 1996 kepada 44.9% pada tahun 1997.

### **Permintaan Dalam Negeri**

Pertumbuhan permintaan dalam negeri pada tahun 1997 agak sederhana dengan kadar pertumbuhannya dianggarkan menurun kepada 10.0% nominal berbanding 10.2% dalam tahun 1996. Kadar pertumbuhan yang lebih sederhana ini terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan penggunaan dan pelaburan sektor awam yang lebih perlahan. Bagaimanapun, perbelanjaan sektor swasta dijangka bertambah dengan lebih kukuh dengan didorong oleh perkembangan pelaburan yang lebih pesat.

**Penggunaan sektor swasta** dijangka berkembang pada kadar 9.3% nominal pada tahun 1997 berbanding dengan 10.6% dalam tahun 1996. Faktor yang menyumbang kearah pertumbuhan perlahan ini termasuk pertumbuhan sederhana pendapatan bolehguna dan kenaikan tabungan, terutamanya daripada peningkatan kadar sumbangan pekerja kepada KWSP seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1996, di samping pelbagai usaha Kerajaan untuk menggalakkan tabungan.

**Perbelanjaan modal sektor swasta** dijangka berkembang sebanyak 16.5% kepada RM85.3 bilion. Keyakinan perniagaan yang berterusan, nilai pelaburan sektor perkilangan yang lebih tinggi yang diluluskan dalam tahun 1996 dan insentif baru yang disediakan kepada sektor perkhidmatan dijangka menjadi pendorong kepada sektor swasta untuk meningkatkan pelaburan. Dalam sektor perkilangan, industri yang mengeluarkan barangan elektrik dan elektronik, kimia dan keluaran kimia, keluaran galian bukan logam dan peralatan pengangkutan dijangka akan meningkatkan pelaburan mereka. Dalam sektor perkhidmatan, kenaikan ketara pelaburan diramalkan untuk sektor kecil perhubungan, kemudahan dan pengangkutan. Sektor kecil perkhidmatan-perkhidmatan lain yang mungkin meningkatkan pelaburan mereka ialah



sektor kecil perbankan, pendidikan dan perniagaan, termasuk perbelanjaan modal dalam teknologi maklumat selaras dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC). Mengenai sektor pembinaan, pelaburan berkaitan dengan pembinaan rumah kediaman berharga tinggi dijangka sederhana. Begitu juga, pertumbuhan pembinaan bangunan-bangunan perniagaan diramalkan lebih perlahan berikutan jangkaan lebih bekalan ruang pejabat. Pelaburan sektor utama ekonomi diramalkan tidak pesat, memandangkan hasil keluaran sektor ini secara umumnya dijangka berkurangan.

Pertumbuhan perbelanjaan **penggunaan sektor awam** dijangkakan pada kadar 0.9% kepada RM28.5 bilion pada tahun 1997, lebih rendah daripada pertumbuhan 2.1% untuk tahun 1996. Ini disebabkan pengurangan perbelanjaan sebanyak 4.2% yang diperuntukkan untuk bekalan dan perkhidmatan. Sungguhpun demikian, pembayaran emolumen dijangka meningkat sebanyak 7.3%, terutama untuk pembayaran gaji bagi kakitangan tambahan dalam sektor awam yang kritikal seperti pendidikan dan kesihatan. Dari segi peratusan, emolumen merupakan 59.8% daripada jumlah penggunaan awam sementara perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan ialah 35.3%. Selebihnya adalah perbelanjaan pentadbiran dan pertahanan yang dijangka berkurangan sebanyak 15.6% dalam tahun 1997.

**Pelaburan sektor awam** dijangka akan meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 6.7% kepada RM35.1 bilion pada tahun 1997, berbanding 19.6% dalam tahun 1996. Pelaburan oleh PABK dijangka berkembang sebanyak 0.1% kepada RM20.0 bilion, terutamanya yang dibuat oleh PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad. Namun demikian, perbelanjaan modal Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 30.0% kepada RM9.0 bilion, yang sebahagian besarnya bertujuan membiayai projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Sebahagian besar dari perbelanjaan tambahan ini adalah untuk pembangunan infrastruktur dan sumber manusia.

### Permintaan Luar Negeri

**Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka berkembang sebanyak 9.6% kepada RM240.2 bilion dalam tahun 1997,

berbanding 5.0% yang dicatat dalam tahun 1996. Eksport dagangan dijangka berkembang sebanyak 9.4% pada tahun 1997 (1996: 4.2%) berpunca dari kadar pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih tinggi. Prestasi eksport barangan perkilangan dijangka terus kukuh, berkembang sebanyak 11.0% kepada RM173.2 bilion pada tahun 1997, didorong oleh pertumbuhan eksport barangan elektrik dan elektronik yang kukuh. Sumbangan eksport perkilangan terhadap jumlah eksport keseluruhan dijangka meningkat kepada 82.2% dalam tahun 1997, daripada 81.0% dalam tahun 1996. Eksport komoditi pertanian dijangka terus mencatat kenaikan yang kecil sebanyak 1.1% kepada RM18.5 bilion pada tahun 1997 disebabkan terutamanya oleh kenaikan pendapatan eksport daripada minyak kelapa sawit dan kayu balak. Walau bagaimanapun, hasil penerimaan eksport bagi komoditi lain dijangka menurun, termasuk getah (-17.6%), minyak isirong kelapa sawit (-32.2%) dan kayu balak (-8.1%). Pertumbuhan pendapatan eksport dari sektor perlombongan diramalkan merosot sebanyak 3.7% kepada RM11.6 bilion selepas pertumbuhan pesat sebanyak 15.9% dalam tahun 1996, berpunca terutamanya dari kemerosotan sebanyak 13.2% pendapatan petroleum mentah. Dengan demikian, sumbangan eksport pertanian utama dan perlombongan kepada jumlah pendapatan eksport keseluruhan dijangka merosot kepada 14.3% atau RM30.2 bilion pada tahun 1997 (1996:15.8%). Eksport perkhidmatan bukan faktor dijangka berkembang sebanyak 10.9% kepada RM35.7 bilion (1996:10.2%) disokong oleh kenaikan 9.9% dalam pendapatan daripada perjalanan, terutama pelancongan, 11.2%, daripada perkhidmatan profesional dan rundingcara, 12.3% daripada perkhidmatan berkaitan pengangkutan penumpang dan perkhidmatan yang berkaitan dan 9.4% daripada tambang dan insurans. Prospek pertumbuhan ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk menyokong inisiatif sektor perkhidmatan untuk membangunkan sektor perkhidmatan sebagai industri penjana pertukaran asing yang dinamis di samping meraih potensi eksport dalam pasaran dunia.

Dengan permintaan dalam negeri berkembang secara sederhana, **import barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka berkembang pada kadar 7.3% kepada RM238.7 bilion pada tahun 1997. Import dagangan dijangka berkembang pada kadar 6.7% kepada RM194.5 bilion dengan import barangan modal dijangka meningkat



berikutan peningkatan pembelian barangan modal oleh sektor perkilangan dan pembelian kapal terbang dan kapal tambahan yang dirancang oleh MAS dan MISC pada tahun 1997. Import barangan perantara dijangka meningkat pada kadar 6.8% pada tahun 1997, mencerminkan kesan pertumbuhan keluaran sektor perkilangan yang kukuh, di samping usaha untuk menguatkan rantaian antara industri. Import barangan penggunaan dijangka meningkat pada kadar lebih rendah iaitu 2.1%, selaras dengan pertumbuhan pendapatan bolehguna yang sederhana dan kadar tabungan yang lebih tinggi. Pertumbuhan import perkhidmatan seperti tambang, insurans, pengangkutan lain, perkhidmatan profesional dan rundingcara dijangka meningkat pada kadar 10.1% dalam tahun 1997 disebabkan terutamanya oleh peningkatan jumlah perdagangan luar yang menyebabkan pembayaran lebih tinggi terhadap tambang dan insurans dan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan.

### Imbangan Pembayaran

Kedudukan **akaun dagangan** imbalan pembayaran dijangka bertambah baik pada tahun 1997, dengan lebih dianggarkan meningkat kepada RM10.0 bilion. Eksport dagangan dijangka meningkat sebanyak 9.4% kepada RM204.5 bilion, sementara import dagangan dianggarkan meningkat dengan lebih perlahan pada 6.7% kepada RM194.5 bilion. Walau bagaimanapun, defisit **akaun perkhidmatan** dijangka bertambah kepada RM21.6 bilion pada tahun 1997, disebabkan terutamanya oleh pertambahan pembayaran bersih pendapatan pelaburan, tambang dan insurans serta perkhidmatan profesional dan rundingcara. Oleh itu, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatatkan defisit RM11.5 bilion (4.4% daripada KNK) pada tahun 1997, jauh lebih rendah daripada defisit dalam tahun 1996. Defisit akaun semasa sebahagian besarnya dijangka dibiayai oleh aliran masuk modal asing langsung.

### Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Tumpuan utama pengurusan belanjawan dalam tahun 1997 akan diarahkan bagi mencapai lebih belanjawan keseluruhan yang lebih besar dengan mengukuhkan kedudukan fiskal dan mengawal perbelanjaan penggunaan. Dalam pengagihan perbelanjaan pembangunan, keutamaan akan terus

diberi kepada pembangunan infrastruktur dan sumber manusia di samping memperdalam bidang sains dan teknologi negara. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyatukan perbelanjaan, Kerajaan akan terus mempercepatkan proses penswastaan beberapa agensi kerajaan dan PABK.

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dianggarkan lebih kukuh pada tahun 1997. Hasil Persekutuan tanpa mengambilkira langkah-langkah cukai baru tahun 1997 dijangka meningkat sebanyak 7.6% kepada RM60.8 bilion. Kenaikan ini dijangka diperolehi dari kedua-dua cukai langsung dan tidak langsung. Perbelanjaan mengurus akan berkurangan sedikit, iaitu 0.2% kepada RM41.7 bilion dengan mengambilkira pembayaran tambahan untuk tunggakan dan gaji yang lebih tinggi disebabkan oleh penyelarasan gaji yang dilaksanakan sejak tahun 1996. Prestasi hasil yang ketara ditambah pula perbelanjaan mengurus yang berkurangan, menyebabkan lebih akaun semasa meningkat kepada RM19.1 bilion pada tahun 1997 (1996: RM14.7 bilion). Selepas mengambilkira terimaan balik pinjaman berjumlah RM1,650 juta, perbelanjaan pembangunan bersih pada tahun 1997 dianggarkan sebanyak RM15.1 bilion. Oleh yang demikian, imbalan keseluruhan dijangka menunjukkan lebih yang lebih besar sebanyak RM3.9 bilion atau 1.5% daripada KNK (1996: RM1.4 bilion atau 0.6%).

Imbalan keseluruhan **sektor awam disatukan** dianggarkan akan lebih baik pada tahun 1997. Baki akaun semasa sektor awam disatukan dijangka lebih baik disebabkan oleh lebih semasa yang lebih besar bagi kedua-dua kerajaan dan PABK. Hasil sektor kerajaan dijangka meningkat sebanyak 4.9%, sementara perbelanjaan mengurus dijangka berkurangan sebanyak 2.5%. Oleh yang demikian, lebih akaun semasa sektor kerajaan dianggarkan meningkat sebanyak 21.7% kepada RM26.2 bilion berbanding RM21.5 bilion dalam tahun 1996. PABK utama juga dijangka mengekalkan lebih operasi yang kukuh pada tahun 1997 berjumlah RM18.0 bilion berbanding RM13.5 bilion dalam tahun 1996. Dengan itu, akaun semasa sektor awam disatukan dijangka akan mencatat lebih yang lebih besar sebanyak RM44.2 bilion pada tahun 1997 berbanding RM35.0 bilion pada tahun 1996.

Perbelanjaan bersih pembangunan oleh sektor awam pada tahun 1997 dijangka meningkat



sebanyak 7.6% kepada RM39.5 bilion kerana perbelanjaan pembangunan yang tinggi oleh kedua-dua sektor kerajaan dan PABK. Kenaikan perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan berpunca dari perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang besar untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan juga projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. PABK dijangka membelanjakan sebahagian besar dari perbelanjaan modal mereka untuk beberapa projek utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan *Ethylene Cracker Project* kedua oleh PETRONAS. Memandangkan lebih akaun semasa yang besar, kedudukan keseluruhan sektor awam dijangka mencatatkan lebih RM4.7 bilion atau 1.8% daripada KNK pada tahun 1997.

### **Kedudukan Sumber Negara**

Kedudukan sumber negara dijangkakan lebih baik, memandangkan kadar tabungan yang lebih tinggi dijangkakan pada tahun 1997 dengan adanya usaha yang bertambah untuk menggalakkan tabungan. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Galakan Tabungan telah ditubuhkan untuk menerajui usaha ini. Di samping dasar kewangan yang ketat untuk mengurangkan penggunaan dan pengembangan kredit yang berlebihan, adanya pilihan yang lebih luas bagi orang awam untuk melabur dan lebih belanjawan Kerajaan Persekutuan yang lebih besar akan membantu meningkatkan tabungan negara kasar sebanyak 19.1% kepada RM108.8 bilion atau 41.2% daripada KNK pada tahun 1997. Dengan paras pembentukan modal kasar dijangka meningkat sebanyak 13.3% kepada RM120.3 bilion atau 45.6% daripada KNK, jurang tabungan-pelaburan negara dianggarkan mengecil kepada RM11.5 bilion atau 4.4% daripada KNK berbanding dengan 6.3% daripada KNK bagi tahun 1996. Ini mencerminkan kedudukan sumber sektor awam yang dijangka bertambah baik dari defisit 0.2% daripada KNK dalam tahun 1996 kepada lebih 2.9% daripada KNK dalam tahun 1997. Manakala untuk sektor swasta, jurang sumber dijangka melebar kepada 7.3% daripada KNK pada tahun 1997, berbanding dengan kadar 6.1% daripada KNK dalam tahun 1996. Jurang sumber ini dijangka sebahagian besarnya dibiayai daripada sumber dalaman dan kemasukan modal asing langsung.

### **Inflasi**

Mengekalkan pertumbuhan tanpa inflasi akan terus menjadi tumpuan utama pengurusan ekonomi makro pada tahun 1997. Dengan itu, perkembangan harga barangan dan perkhidmatan pengguna akan dikawal rapi sementara dasar fiskal berhemat akan terus dilaksanakan untuk membendung tekanan permintaan. Walau bagaimanapun, dengan paras pertumbuhan ekonomi yang terus mampan yang diramalkan pada tahun 1997, kadar inflasi yang rendah di negara-negara maju dan peningkatan usaha untuk menggalakkan tabungan negara melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Galakan Tabungan, di samping penghapusan duti import ke atas barangan asas pengguna dan perantaraan, tekanan ke atas paras harga akan dapat dikurangkan.

### **Guna Tenaga**

Pasaran buruh dijangka terus ketat pada tahun 1997. Walau bagaimanapun, pergantungan kepada buruh asing yang murah dan tidak berkemahiran tidak akan digalakkan memandangkan saiz buruh asing yang sedia ada amatlah besar. Industri akan diminta mengurangkan pergantungan mereka kepada buruh asing yang murah dan tidak berkemahiran melalui langkah ubahsuai yang strategik ke arah penggunaan teknologi pengeluaran yang menjimatkan buruh. Meskipun penggunaan buruh asing yang murah dan tidak berkemahiran tidak digalakkan, Kerajaan walau bagaimanapun akan terus memudahkan pengambilan tenaga asing yang professional dan berkemahiran dalam usaha mempercepatkan peralihan kepada teknologi pengeluaran yang lebih cekap. Dalam masa yang sama, latihan untuk tenaga kerja tempatan akan terus digalakkan untuk mengeluarkan tenaga kerja tempatan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

### **Kesimpulan**

Ekonomi negara dijangka akan terus mencatatkan paras pertumbuhan mampan pada tahun 1997. Kedudukan sumber negara pula dijangka akan bertambah kukuh, dengan paras permintaan dalam negeri lebih sejajar dengan



paras pengeluaran negara. Pada masa yang sama, kadar tabungan negara diramalkan meningkat. Ini membolehkan bahagian yang lebih besar daripada pelaburan tempatan dibiayai oleh tabungan negara dan, dengan itu, mengurangkan pergantungan kepada sumber asing bagi membiayai pertumbuhan ekonomi. Kedudukan imbalan pembayaran negara juga dijangka semakin baik pada tahun 1997, dengan akaun

semasa mencatatkan defisit yang lebih kecil. Inflasi dijangka kekal rendah memandangkan permintaan dalam negeri ke atas barangan penggunaan dan perkhidmatan dijangka lebih sederhana. Dengan itu, asas-asas ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh pada tahun 1997, dengan mengekalkan pertumbuhan yang mampan dengan inflasi yang rendah dan kedudukan imbalan pembayaran yang lebih baik.